



SIARAN MEDIA

ANGKASA LANCAR PERTANDINGAN PENGHIJAUAN MALAYSIA: KOPERASI PRIHATIN SEJUTA POKOK KOPERASI SEKOLAH PERINGKAT KEBANGSAAN

GOMBAK, 5 OGOS 2023 – Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) menganjurkan Pertandingan Penghijauan Malaysia: Koperasi Prihatin Sejuta Pokok Koperasi Sekolah Peringkat Kebangsaan bagi mencapai objektif penanaman sejuta pokok oleh gerakan koperasi di seluruh negara.

Majlis disempurnakan perasmianya oleh Presiden ANGKASA merangkap Presiden ASEAN Co-operative Organization (ACO) dan Naib Presiden International Co-operative Alliance - Asia Pacific (ICA-AP), Datuk Seri Dr. Abdul Fattah Abdullah di Sekolah Berasrama Penuh Integrasi Gombak, Selangor pada hari ini.

Menerusi ucapannya beliau menyatakan usaha ini bakal memberi memberi impak yang luas dan positif dalam menjaga alam sekitar dan meningkatkan kesedaran serta kesungguhan dalam mendepani cabaran mengekalkan kelestarian alam.

“Saya yakin dan percaya anggota koperasi sekolah mampu menyahut cabaran untuk menanam sekurang-kurangnya sebatang pokok. Sekiranya **Kempen 1 koperator 1 Pokok** ini menerusi pertandingan ini dilaksanakan oleh anggota koperasi sekolah, maka kita akan dapat mencapai penanaman sejuta pokok pada tahun ini,” kata Presiden ANGKASA.

ANGKASA menawarkan hadiah wang tunai keseluruhan bernilai RM52,800 beserta sijil peringkat kebangsaan dan sijil pencapaian kepada pemenang Jumlah Penanaman Pokok Tertinggi Peringkat Negeri (Kategori Sekolah), Jumlah Penanaman Pokok Tertinggi Peringkat Kebangsaan (Kategori Sekolah) dan Jumlah Penanaman Pokok Tertinggi Peringkat Kebangsaan (Kategori Pelajar).

Pertandingan ini terbuka kepada semua koperasi sekolah ahli ANGKASA seluruh Malaysia. Pokok yang ditanam perlu selaras dengan definisi pokok yang digariskan oleh agenda Penghijauan Malaysia iaitu semua jenis pokok tumbuhan berkayu yang mempunyai akar, batang, dahan dan daun.

Koperasi sekolah yang berminat boleh memuat turun aplikasi Penghijauan Malaysia secara percuma di *Google Playstore*, *Apple App Store* dan *Huawei AppGallery* untuk mendaftar atau melalui laman sesawang 100jutapokok.gov.my serta daftar menerusi borang dalam talian (*Google Form*).

Tempoh pertandingan Penghijauan Malaysia Koperasi Prihatin Sejuta Pokok Koperasi Sekolah Peringkat Kebangsaan ini bermula dari 15 Jun 2023 sehingga 15 Oktober 2023. Untuk maklumat lanjut berkenaan terma dan syarat pertandingan dan pautan e-borang penyertaan, peserta boleh melayari laman sesawang www.sejutapokok.coop atau www.angkasa.coop atau Facebook: @SejutaPokok / @ANGKASACoop.

Program Penghijauan Malaysia: Koperasi Prihatin Sejuta Pokok telah dilancarkan pada bulan Julai 2022 bagi menyokong agenda Penghijauan Malaysia. Program “Flagship” tanggungjawab sosial koperasi (CSR) ini merupakan inisiatif berimpak tinggi ANGKASA dengan kerjasama Institut Perubahan Iklim, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Yayasan Hijau Malaysia yang bertujuan untuk menggalakkan dan meningkatkan penglibatan serta kesedaran 15,315 buah koperasi yang mempunyai 7.3 juta anggota di seluruh Malaysia mengenai peranan dan kepentingan pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar bagi membantu menangani kesan perubahan iklim.

Program ini dilaksanakan selaras dengan inisiatif ANGKASA sebagai badan apeks gerakan koperasi negara untuk melibatkan gerakan koperasi menjayakan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) 2030, menyokong inisiatif *United Nation (UN) Decade on Ecosystem Restoration 2021-2030* serta agenda nasional Penghijauan Malaysia melalui Kempen Penanaman 100 Juta Pokok (2021-2025).

Inisiatif Penghijauan Malaysia: Koperasi Prihatin Sejuta Pokok adalah hasil daripada usaha kolaboratif yang melibatkan pelbagai pihak. Usaha ini didukung oleh Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi serta agensinya, Suruhanjaya Koperasi Malaysia dan Institut Koperasi Malaysia. Selain itu, usaha ini turut disokong Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Kementerian Pendidikan Malaysia, Majlis Amanah Rakyat (MARA), Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Negeri, Universiti Putra Malaysia (UPM), Persatuan Pandu Puteri Malaysia, radio IKIM, Majlis Belia Malaysia dan Malaysia Forest Fund.

ANGKASA turut bekerjasama erat dengan International Co-operative Alliance - Asia Pacific (ICA-AP) dan badan induk koperasi global, International Cooperative Alliance (ICA) dengan mempromosikan program ini pada peringkat antarabangsa menerusi tajaan pokok yang boleh dibuat di laman sesawang www.sejutapokok.coop

Kerjasama dengan rakan digital ANGKASA, MyISCO Sdn. Bhd. menerusi aplikasi MyISCO-MCash turut menawarkan penyertaan orang awam untuk membuat sumbangan pokok menerusi kempen “*Adopt a Tree*”. Sehingga Julai 2023 terdapat 30 program telah dilaksanakan yang berjaya menanam lebih 5,000 batang pokok pelbagai spesies di seluruh negara.

Turut hadir Penolong Kanan Pentadbiran, Shahariah Mohamed Ismail yang mewakili Penegtua Sekolah Berasrama Penuh Integrasi Gombak,

**PENGURUS BESAR
BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT
MERANGKAP PEGAWAI KHAS PRESIDEN ANGKASA
(MENJALANKAN FUNGSI PENGURUS BESAR KANAN KUMPULAN PERHUBUNGAN
STRATEGIK)
ANGKATAN KOPERASI KEBANGSAAN MALAYSIA BERHAD
5 OGOS 2023**

MENGENAI ANGKASA

ANGKASA adalah Badan Apeks Gerakan Koperasi Malaysia yang diiktiraf oleh Kerajaan untuk menyatukan dan mewakili koperasi di peringkat nasional dan antarabangsa. ANGKASA menjalankan khidmat teras seperti menyediakan khidmat potongan gaji kepada kakitangan kerajaan, badan berkanun, kelab, koperasi, dan kesatuan.

ANGKASA melaksanakan program transformasi perniagaan dan keusahawanan koperasi dalam sektor perniagaan yang berimpak tinggi seperti Kewangan, Pertanian dan Industri Asas Tani, Pemborongan dan Peruncitan, Pelancongan, Penjagaan Diri dan Kesihatan, Perladangan, Hartanah dan Industri Binaan, Inovasi dan Teknologi serta Pembangunan Komuniti.

Sehingga bulan Disember 2022, gerakan koperasi mencatatkan 15,315 buah koperasi dengan keanggotaan seramai 7.3 juta individu, aset sebanyak RM159.6 bilion dan modal syer/ yuran sebanyak RM17 bilion dan perolehan gerakan koperasi mencapai berjumlah RM45.5 bilion. (Sumber statistik: Suruhanjaya Koperasi Malaysia).

ANGKASA telah menerima pensijilan Sistem Pengurusan Kualiti (ISO 9001:2015), Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISO/IEC 27001:2013) dan Sistem Pengurusan Anti-Bribery (ISO37001:2016). ANGKASA juga telah dianugerahkan Cyber Security Organization of The Year di bawah kategori Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS ISO 27001:2013) pada tahun 2015.

Seiring dengan 52 tahun penubuhannya, ANGKASA akan terus memperjuangkan hak dan kepentingan gerakan koperasi serta komited untuk meneraju dan melaksana inisiatif Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) 2030 agar institusi ini terus berdaya maju dalam menghadapi cabaran masa hadapan serta berperanan sebagai instrumen pengagihan ekonomi yang adil dan saksama demi kesejahteraan untuk semua.

Untuk maklumat lanjut mengenai ANGKASA, sila hubungi talian Khidmat Pelanggan di talian +603 78007800 atau e-mel kepada apex@angkasa.coop. Anda juga boleh melawati laman web kami di www.angkasa.coop dan berinteraksi dengan kami di akaun rasmi Facebook atau Twitter di @ANGKASACoop

Untuk pertanyaan dan maklumat berkenaan media sila hubungi :

Halim Haji Ibrahim
Pengurus Besar
Bahagian Komunikasi Korporat
Merangkap Pegawai Khas Presiden ANGKASA
Tel. : +6016- 4580305 / +603 – 7884 6481
Faks : +603 – 7884 6489
E-mel : korporat.angkasa@gmail.com

KOPERASI MENYOKONG AGENDA

